

Wartawan internet tidak boleh terlalu bebas

BH 11/05/07 M/S 15

Oleh Jamhariah Jaafar

TIADA siapa boleh menafikan teknologi internet menyebarkan berita dan laporan lebih pantas berbanding media cetak. Penyebaran menerusi ruang siber kini memberi impak luar biasa, terutama di kalangan generasi muda yang bukan sekadar cekap mengendalikannya komputer, bahkan penggunaan telefon bimbit yang jauh lebih pantas dalam menyebarkan pelbagai maklumat, berita, khabar angin atau dakyah.

Tinjauan penggunaan teknologi maklumat (IT) dan ruang siber di Korea Selatan, baru-baru ini mendedahkan betapa pengaruh penyebaran berita melalui IT dan telefon bimbit terutama khidmat pesanan ringkas (SMS) memberikan kemenangan besar kepada Presiden Roh Moo Hyun pada pemilihan Presiden 2002, selepas beliau hampir tewas jika hanya bergantung kepada sistem pemilihan ala konservatif.

Presiden Roh yang menonjolkan diri sebagai pembawa arus perubahan, menarik perhatian golongan muda Korea Selatan yang dengan pantas menyebarkan SMS meminta semua pengundi muda keluar mengundi Roh dan akhirnya menang pilihan raya dengan kejayaan luar biasa.

Gelombang sokongan golongan muda kepada Roh ketika itu tidak hanya terbatas pada SMS, bahkan menggunakan forum 'on-line' dan apa saja teknologi maklumat, menjadikan Korea Selatan terus dianggap sebagai antara negara yang memiliki infrastruktur tercanggih dunia.

Arus gelombang itu turut memabatkan akhbar 'online' *OhmyNews.com*, yang mem-

beri impak amat besar kepada perubahan minda rakyat Korea Selatan yang sebelum ini dikuasai tiga akhbar utama – yang mempunyai penderangan 80 peratus daripada keseluruhan akhbar negara itu.

Beberapa pemerhati politik Korea Selatan yang ditemui tidak menafikan bahawa sistem kewartawanan pantas dan lebih terbuka diamalkan *OhmyNews.com*, banyak membantu Roh dalam memenangi kempen pilihan raya 2002.

Kim Kotae, Pengubal Dasar Publisiti Luar Negara di Perkhidmatan Maklumat Luar Negara Korea Selatan, mengaku bahawa arus gelombang IT adalah ibarat 'tsunami' yang memang tidak mampu dihalang oleh sesiapa pun.

"Tidak guna menyediakan undang-undang dan peraturan menyekat penyebaran maklumat menerusi IT, kerana mereka boleh mencari pelbagai jalan untuk melepasi sekatan yang cuba kita cipta," katanya ketika ditanya cara membatasi kebebasan penyebaran maklumat yang kadang kala boleh menggugat keselamatan negara.

Di Malaysia, isu penyebaran maklumat menerusi IT dan debat mengenai persaingan antara media cetak serta elektronik dan Internet semakin hangat, apa lagi beberapa pihak termasuk pengubal dasar negara ini sedang mengkaji usaha untuk turut memastikan 'wartawan internet' bertanggungjawab atas laporan masing-masing – sama seperti wartawan profesional.

Jika kita menyingkap sejarah media massa negara ini, ia hampir pasti wujud pembabitan parti politik. Akhbar utama seperti *Berita Harian* dan *New Straits Times* serta *Utusan Malaysia/Melayu*, dikuasai Umno,

The Star (MCA), manakala RTM dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan menerusi Kementerian Penerangan.

Justeru, tidak perlu dijelaskan bahawa tugas utama semua media ini adalah sebagai lidah kerajaan dan menjadi tanggungjawab mereka menjelaskan pelbagai dasar, isu dan polemik yang berlaku dari kaca mata pentadbiran negara.

Bagaimanapun, sebagai akhbar dan media yang juga amat dekat dengan rakyat, semua akhbar ini tidak akan lari daripada tanggungjawab untuk menjadi 'orang tengah' yang menyuarakan hasrat, rintihan dan masalah rakyat kepada kerajaan.

Turut tidak terkecuali ialah tanggungjawab media ini untuk mendedahkan penyalahgunaan kuasa, pencabulan undang-undang atau sebarang salah laku yang menjadi perhatian rakyat keseluruhan.

Sebenarnya, kebebasan akhbar yang menjadi pegangan hampir setiap pengamal media turut menjadi pendirian sebahagian wartawan yang bertugas di akhbar serta media yang dianggap prokerajaan ini. Cuma dalam beberapa hal ramai wartawan menyedari tanggungjawab mereka untuk melihat impak laporan yang dibuat dari pelbagai sudut – terutama jika ia boleh menjejaskan kestabilan dan keselamatan negara.

Pengamal media ini turut dikekang dengan beberapa undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan serta Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan ini sekali gus membuatkan ramai berhati-hati dalam menghasilkan laporan atau penulisan.

Berlainan dengan 'wartawan internet' yang belum dikekang dengan sebarang un-

dang-undang dan peraturan, membuatkan mereka lebih bebas menulis dan corak penulisan juga semakin bebas.

Apa yang lebih menarik di Malaysia hari ini ialah kumpulan 'wartawan internet' yang popular sejak kebelakangan adalah terdiri daripada bekas wartawan yang suatu masa dulu adalah prokerajaan dan mempunyai pengaruh besar kerana mempunyai 'nama' sejak dari alam dunia kewartawanan media 'konservatif'.

Namun ada juga 'wartawan internet' yang tidak pernah menjadi wartawan profesional, tetapi mempunyai isi kandungan dan gaya penulisan yang tidak diamalkan oleh wartawan profesional – yang sekali lagi ditegaskan perlu mengkaji impak tulisan ke atas pentadbiran, keselamatan dan kestabilan negara.

Dulu, rakyat hanya dihidangkan dengan laporan pemberitaan prokerajaan dan sekali mendedahkan penyalahgunaan kuasa yang berlaku dan mendengar hanya keburukan kerajaan daripada akhbar dan media pembangkang.

Namun hari ini, media massa aliran perdana masih memainkan peranan penting sebagai lidah kerajaan, malah mereka juga sudah turut menyertai arus perubahan dengan menyediakan perkhidmatan akhbar 'online' dan rakyat boleh mendapat berita dari pelbagai sudut lain menerusi pelbagai sumber di internet.

Cuma diharap wartawan internet ini lebih bertanggungjawab dalam penyebaran berita kepada orang ramai, kerana sebarang usaha ke arah perasaan tidak puas hati keterlaluan boleh membawa padah yang boleh menjejaskan kestabilan negara.